

# Cagamas terbit ICP RM500 juta

**KUALA LUMPUR 22 Dis.** - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. mengumumkan penerbitan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan kedua bernilai hingga RM500 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong berkata, ICP tersebut akan diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah dan hasil daripada terbitan tersebut akan digunakan bagi membiayai pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

"Mudah tunai dalam pasaran bon tempatan kekal berdaya tahan di sebalik ketidaktentuan pasaran bon global selepas Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat dan jangkaan peningkatan kadar dalam kalangan pemain pasaran," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, ICP berkenaan menerima maklum balas memberang-

## Cagamas



sangkan daripada institusi kewangan berikutan sukuk korporat jangka pendek tersebut menawarkan pilihan pelaburan alternatif bagi institusi-institusi kewangan.

Ia juga untuk meningkatkan pegangan mereka dalam Kualiti Aset Cair Tinggi (HQLA) bagi memenuhi keperluan Nisbah Liputan Kecairan (LCR) menjelang akhir tahun di samping mengurangkan pendedahan risiko pasaran dalam suasana pasaran yang tidak menentu.

Chee Leong berkata, ICP tersebut yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar dan akan disenaraikan serta dinagakan di bawah Sistem Dagang Sekuriti Tanpa Skrip.